

Wau Kapat

WARISAN TURUN-TEMURUN NEGERI SELANGOR

PERMAINAN WAU PADA SUATU KETIKA DAHULU AMAT POPULAR DIMAINKAN DI KAWASAN PANTAI DAN KAWASAN LAPANG SEPERTI PADANG, SAWAH PADI DAN SEBAGAINYA. KINI, PERMAINAN TERSEBUT MULAI DIMINATI OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, TERMASUKLAH MASYARAKAT BANDAR, DAN DIMAINKAN SEBAGAI AKTIVITI MENGISI MASA LAPANG DAN JUGA UNTUK BERTANDING. WAU MEMPUYAI UNSUR-UNSUR BUDAYA MELAYU ASLI. UNSUR ITU DAPAT DILIHAT PADA BENTUK DAN REKAAN CORAK YANG TERDAPAT PADA WAU TERSEBUT.

Asal usul permainan wau yang sebenarnya tidaklah diketahui dengan jelas, walaupun terdapat sumber dalam beberapa buku sejarah Melayu yang menceritakan tentang permainan ini. Namun begitu, banyak orang berpendapat

bahawa permainan wau ini bermula pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah (tahun 1488-1511). Pendapat tersebut berdasarkan kepada catatan dalam *Sulalatus Salatin* yang menceritakan tentang permainan wau.

Nama lain bagi wau ialah layang-layang. Perkataan “wau” dikatakan berasal daripada perkataan Thailand, memandangkan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah menggunakan

perkataan tersebut. Kaum yang mempopularkan permainan wau ialah kaum Melayu dan Siam yang mendiami negeri tersebut. Perkataan layang-layang pula digunakan di kebanyakan negeri, seperti di Pantai Barat dan di Selatan Semenanjung Malaysia, seperti Selangor, Melaka dan Johor. Fakta ini dapat dibuktikan menerusi catatan Tun Seri Lanang yang menyatakan bahawa Raja Ahmad bermain layang-layang bersama-sama pemuda dan kerabat diraja dan tidak pula disebut bermain wau.

Selain itu, kemunculan nama wau juga dikaitkan dengan bunyi yang terhasil daripada busur yang diikat pada wau. Apabila dinaikkan ke udara, daun ibus yang dipasang pada busur tersebut akan menghasilkan bunyi “wau wau wau” secara berirama. Secara umumnya, terdapat beberapa jenis wau yang dimainkan oleh masyarakat di Malaysia. Antaranya termasuklah wau bulan, wau kucing, wau jala budi, wau merak, wau dodo helang, wau kangkang, wau seri bulan, wau helang, wau puyuh, dan wau kapal.

Wau kapal misalnya, amat popular dalam kalangan masyarakat di Selangor dan dimainkan secara turun-temurun di Malaysia. Wau Kapal merupakan wau rasmi bagi negeri Selangor. Pada dasarnya, wau kapal terbahagi kepada dua jenis, iaitu wau kapal tradisional dan wau kapal moden. Wau kapal tradisional menerapkan hiasan menggunakan teknik telepuk, tebuk dan tampal, manakala wau kapal moden lebih mudah untuk dihasilkan kerana tiada motif hiasan seni tradisional.

Wau kapal dikatakan mulai popular dimainkan sejak tahun



Penulis (kanan) bersama-sama Wak di Kampung Hulu Chuchoh, Sungai Pelek.

Kemunculan nama wau juga dikaitkan dengan bunyi yang terhasil daripada busur yang diikat pada wau. Apabila dinaikkan ke udara, daun ibus yang dipasang pada busur tersebut akan menghasilkan bunyi “wau wau wau” secara berirama.

1940-an di negeri Selangor, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang menetap di pesisiran pantai dan bekerja sebagai nelayan. Menurut sumber yang dapat dipercayai, pada zaman dahulu, anak-anak nelayan yang menunggu bapa mereka pulang ke pangkalan akan menaikkan wau tersebut sebagai penunjuk kedudukan daratan dan panduan ke pangkalan kerana pada waktu tersebut, tidak mempunyai sebarang kemudahan penunjuk arah, seperti rumah api. Wau ini dinamakan sebagai wau kapal disebabkan oleh reka bentuk ekornya yang menyerupai sebuah kapal, manakala bahagian sayap dan kepalanya, sama seperti wau tradisional Melayu yang lain.

Pada peringkat awal, wau kapal lebih dikenali sebagai layang-layang Jeram. Hal ini dikatakan demikian kerana wau tersebut mula dimainkan di pantai Jeram, Kuala Selangor sekitar tahun 1850-an. Pada ketika itu, Selangor terkenal sebagai pusat pelabuhan, seperti Langat, Jeram, Klang, Jugra, Bernam dan Morib. Pelabuhan tersebut berjaya menarik kedatangan kapal dari serata dunia untuk berdagang dan berlabuh di kawasan tersebut. Suasana aktiviti perkapalan itu memberikan idea kepada masyarakat setempat untuk menggunakan nama wau kapal.

Dari segi motif dan corak, wau kapal tradisional mempunyai motif corak bunga tanjung pada



Proses meraut buluh untuk menghasilkan badan wau kapal.



Wau kapal harus mempunyai keseimbangan di kedua-dua belah sayap.



Teknik tampalan digunakan ketika proses penghasilan wau kapal.



Rangka wau kapal yang sudah siap diikat.



Corak bunga kecil ditampal pada sayap wau kapal.

6



Wau kapal yang sudah disiapkan.

bahagian sayap, manakala pada bahagian ekornya mempunyai motif kapal layar di lautan, seperti ombak laut, sauh, pelampung, tingkap kapal dan tali. Wau kapal moden pula mempunyai motif hiasan yang tersendiri dan kebiasaannya menggunakan hiasan mengikut gaya bebas, seperti watak animasi dan logo kumpulan.

Bahagian ekor wau kapal moden lebih mudah dibentuk berbanding wau kapal tradisional kerana tidak mempunyai lengkungan di bahagian tepi seperti sebuah kapal tradisional.

Terdapat lima komponen asas bagi sebuah wau tradisional, iaitu kepala wau, busur atau dengung, sayap wau, terek atau bahagian pinggang dan ekor wau. Bahan yang diperlukan untuk membuat wau kapal ialah kertas, buluh, tali dan gam. Pada kebiasaannya, pembuat wau akan menggunakan buluh minyak kerana lebih mudah untuk dibentuk. Selain itu, kepakaran dan kemahiran juga merupakan aspek penting untuk menghasilkan sebuah wau yang bermutu, antaranya termasuklah kepakaran dalam pemilihan bahan mentah, kemahiran kraf tangan dan pengetahuan dalam bidang aerodinamik. Penghasilan wau yang berkualiti memerlukan bahan mentah, terutamanya buluh yang perlu dipilih dengan teliti.

Proses pembuatan wau kapal agak rumit dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Cabaran utama untuk membuat wau kapal ialah proses meraut buluh bagi membolehkan buluh tersebut dapat dilenturkan untuk menghasilkan bahagian

badan, sayap dan ekor wau. Pembuat wau kapal perlu memastikan wau yang dihasilkan mempunyai keseimbangan antara kedua-dua bahagian supaya mampu terbang dengan sempurna.

Di samping itu, teknik meraut buluh sangat penting bagi menghasilkan wau yang mempunyai keseimbangan yang baik. Teknik yang digunakan untuk meraut buluh ialah bahagian tulang belakang diraut sehingga 1.0 sentimeter dengan kadar lembut dan sederhana keras. Selepas itu, bahagian bilah sayap di kedua-dua bahagian diraut sehingga 1.5 sentimeter dan rautan itu perlu semakin halus di hujung bilah tersebut, iaitu sebesar lidi kelapa. Selain itu, bahagian ekor yang mempunyai dua bahagian juga perlu diraut sehingga 0.5 sentimeter. Pembuat wau kapal perlu meraut bilah buluh untuk bahagian pinggang dan bulatan berbentuk bulan.

Rautan pada bahagian tersebut lebih nipis dan bersaiz 0.5 sentimeter bagi memudahkan proses pembentukan wau. Selepas semua buluh diraut, proses seterusnya ialah bilah tersebut akan digosok dengan kertas pasir. Setelah selesai proses meraut buluh, pembuat wau kapal akan membuat bingkai wau. Bingkai wau terdiri daripada beberapa bahagian utama, iaitu tulang belakang, tulang rentas sayap, rangka sayap dan rangka ekor. Kepingan buluh yang sudah diraut akan dipotong mengikut ukuran wau yang dikehendaki, iaitu dua keping untuk sayap, satu keping untuk tulang belakang dan dua keping lagi untuk rangka ekor. Kepingan buluh yang hendak dibuat sayap

Wau kapal dikatakan mulai popular dimainkan sejak tahun 1940-an di negeri Selangor, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang menetap di pesisiran pantai dan bekerja sebagai nelayan. Menurut sumber yang dapat dipercayai, pada zaman dahulu, anak-anak nelayan yang menunggu bapa mereka pulang ke pangkalan akan menaikkan wau tersebut sebagai penunjuk kedudukan daratan dan panduan ke pangkalan kerana pada waktu tersebut, tidak mempunyai sebarang kemudahan penunjuk arah, seperti rumah api.

MENARIK TENTANG WAU KAPAL

- 1 Wau kapal dimainkan oleh masyarakat negeri Selangor sejak tahun 1940-an.
- 2 Wau kapal dijadikan sebagai penunjuk kedudukan daratan bagi panduan para nelayan.
- 3 Wau ini dinamakan sebagai wau kapal disebabkan oleh reka bentuk ekornya yang menyerupai sebuah kapal.
- 4 Wau kapal tradisional memiliki motif bunga tanjung di bahagian sayap dan kapal berlayar di bahagian ekornya.
- 5 Wau kapal moden tidak memiliki motif tersendiri dan hanya dihiasi dengan lambang atau hiasan mengikut kehendak pembuatnya.
- 6 Buluh minyak sering digunakan untuk membuat wau kapal kerana lebih mudah untuk dibentuk.
- 7 Teknik telepek, tebuk dan tampal digunakan secara turun-temurun untuk menghasilkan corak pada wau kapal.

wau perlu diseimbangkan dengan menandakan di bahagian tengah kepingan buluh. Kemudian, bahagian sayap wau akan diikat terlebih dahulu dan kemudiannya akan diikat pada tulang belakang wau.

Setelah itu, pembuat wau akan mengikat bahagian atas dan bawah ekor wau pada tulang belakang. Pembuat wau perlu memastikan wau itu mempunyai keseimbangan pada kedua-dua belah. Kepingan buluh ditautkan sehingga separa bulatan pada bahagian sayap dan ekor wau bagi menghasilkan bahagian pinggang wau. Kemudian, kepingan buluh yang diraut dengan lebih nipis dibentuk menjadi bulatan untuk diikat pada bahagian tengah wau. Saiznya ditentukan dengan mengikut nisbah yang bersamaan dengan keluasan kepala wau. Seterusnya, pembuat wau membuat kepala wau dengan menggunakan cara mengikat separuh daripada kepala wau dengan sayap dengan jarak dua inci dari tulang belakang. Setelah bingkai wau disiapkan,

satu lapisan asas yang dipanggil “tanah” akan dipasang pada wau. Tujuan lapisan itu dipasang adalah untuk memastikan wau tersebut tahan lasak kerana sifat utama kertas tersebut lebih kenyal dan tidak ditembusi angin.


Setelah itu, langkah seterusnya adalah untuk memasang jambul atau rambu. Jambul atau rambu wau dipasang dengan dililitkan pada rangka ekor atau sayap wau. Pada kebiasaannya, jambul diperbuat daripada kertas “crepe” yang dipotong secara memanjang. Selepas itu, pembuat wau akan memasang belalai. Belalai pula dipasang pada kepala wau sebelum pembuat wau memasang busur pada wau. Fungsi utama busur untuk mengeluarkan bunyi semasa wau diterbangkan. Busur pula terdiri daripada empat komponen, iaitu “bok”, daun ibus, inas dan buluh penyepit.

Proses pembuatan busur tersebut dimulakan dengan memotong kepingan buluh yang berukuran separuh daripada panjang sayap wau. Pada kebiasaannya, buluh cina akan

Teknik meraut buluh sangat penting bagi menghasilkan wau yang mempunyai keseimbangan yang baik. Teknik yang digunakan untuk meraut buluh ialah bahagian tulang belakang diraut sehingga 1.0 sentimeter dengan kadar lembut dan sederhana keras.

digunakan untuk membuat inas dan dipotong sepanjang dua sentimeter. Kemudiannya, buluh itu akan ditebuk di bahagian tengahnya sebesar saiz busur. Setelah ketiga-tiga komponen tersebut dicantumkan, busur tersebut dilekatkan pada kepala wau dengan menggunakan buluh penyepit dan

CIRI-CIRI WAU KAPAL



diikat menggunakan benang nilon.

Pembuat wau menggunakan teknik telepuk, tebuk dan tampal untuk menghasilkan corak pada wau. Teknik tersebut merupakan warisan zaman-berzaman dari negeri Selangor dan dikatakan telah wujud lebih 300 tahun dahulu. Teknik tersebut menggunakan pelbagai jenis kertas warna yang diukir dengan bunga kecil yang ditebuk dan diulang beberapa lapisan untuk dijadikan corak wau. Wau kapal yang telah siap sepenuhnya akan dijual dengan harga sekurang-kurangnya RM130, bergantung pada saiz dan corak.

Bagi memastikan warisan budaya permainan wau kapal ini terus dilestarikan, Persatuan Pelayang Muda Negeri Selangor aktif mengadakan pertandingan wau kapal tegak. Format pertandingan ini berbeza dengan pertandingan layang-layang atau wau di negara ini. Menurut Ketua Urus Setia Pertandingan Wau Tegak Terbuka, Zamani Salimi,

pertandingan tersebut tidak diadili berdasarkan wau yang terbang paling lama di udara, sebaliknya pemarkahan diambil kira mengikut ketegakan wau.

Dalam hal ini, para pemain perlu menaikkan wau masing-masing sehingga berada pada kedudukan 90 darjah dalam jangka masa yang ditetapkan. Pemenang dipilih berdasarkan kedudukan wau paling tegak mengikut tatacara yang ditetapkan oleh pihak penganjur pertandingan. Semua pasukan akan dipantau oleh juri dan mereka perlu mengikat tali layang-layang pada garisan khas bagi mengenal pasti pemenang. Juri pertandingan memilih wau paling tegak dengan cara mencucuk atau mengacu ke arah ruang antara tali-tali wau berkenaan dengan menggunakan kayu sepanjang satu meter selepas wisel tamat ditiupkan.

Sekiranya tali terputus sebelum masa berakhir, wau berkenaan dikira kalah. Andai ribut, hujan atau tiada angin, pemenang ditentukan melalui undian atau wau yang paling lambat turun. Ujar Zamani,

rata-rata peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan wau kapal tegak bertanding secara berkumpulan, iaitu antara dua hingga enam orang. Permainan wau ini memerlukan dua orang pemain, iaitu seorang pemegang tali, manakala seorang lagi ditugaskan melepaskan wau. Yang uniknya, pengiraan masa wau di udara menggunakan tempurung kelapa berlubang yang direndam dalam sebuah balang berisi air. Hal ini bermakna para peserta perlu menegakkan wau dalam tempoh kira-kira 10 saat.

Zamani menjelaskan bahawa pihaknya sengaja mengekalkan kaedah pengiraan masa secara manual bagi mewujudkan nilai tradisional dalam pertandingan tersebut. Pertandingan melibatkan wau kapal selayaknya diangkat sebagai identiti Selangor kerana mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding dengan pertandingan wau lain apabila pemenangnya dipilih berdasarkan kedudukan wau yang paling tegak di udara. **DB**